

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) sekiranya Rang Undang-Undang 355 ini diluluskan,  
berapa kos yang diperlukan untuk melaksanakannya;  
dan
  
- (b) bagaimanakah perancangan Kementerian untuk  
melaksanakan ke seluruh negara.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan 2016) adalah Rang Undang-Undang Ahli Persendirian yang dikemukakan melalui **usul** oleh Ahli Parlimen Marang berdasarkan kepada Peraturan 49, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Walaubagaimanapun, jika **usul** tersebut dipertimbangkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, ia tidak akan memberikan apa-apa implikasi kewangan kepada Kerajaan.
- (b) Kerajaan sentiasa berusaha memartabatkan undang-undang Syariah selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Pada masa ini, Kerajaan sedang meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan cadangan pindaan kepada Akta 355 tersebut dibuat secara teratur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Memandangkan perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, maka pindaan kepada Akta 355 perlu kepada pindaan berbangkit (*consequential amendment*) kepada had hukuman yang terdapat di bawah Akta /Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.